

## NFDP A juara Piala Supermukh B-12 »47

Turun dengan misi mempertahankan gelaran kejuaraan musim lalu, skuad muda negara bermula garang menerusi beberapa gerakan yang menguji penjaga gawang lawan.



Utusan Malaysia  
SELASA • 19 NOVEMBER 2024

# Sukan



### Libasan juara

PEMAIN KL Thunder, Azlan Alias (kiri) cuba menghalang rejaman pemain Negeri Sembilan Antlers, Mohd. Hafizul Hayazi Adnan dalam perlawanan akhir Liga Sepak Takraw 2024 di Stadium Majlis Bandaraya Serdang Jaya (MBSJ), Serdang Jaya, kelmarin. Negeri Sembilan Antlers menang 2-0. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI (Berita di muka 46)

# Piala Malaysia: Kuala Lumpur Rovers tetap lawan JDT

Oleh ROZAIDI ZULKIFLI  
rozaidi.zulkifli@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Perlawanan pusingan 16 Piala Malaysia antara Kuala Lumpur (KL) Rovers menentang Johor Darul Ta'zim (JDT) kekal berlangsung seperti dijadualkan, esok.

Terdahulu, timbul khabar angin mengatakan KL Rovers mahu menarik diri berdepan juara 10 kali berturut-turut Liga Super kerana isu tunggakan gaji.

Bagaimanapun, sumber daripada kelab Liga A1 itu, menegaskan bahawa perkara berkenaan tidak betul dan aksi tersebut akan dilangsungkan seperti yang dijadualkan, na-

mun venue perlawanan bertukar ke Stadium Sultan Ibrahim.

Sumber itu memaklumkan pihak pengurusan telah mengadakan pertemuan dengan pemain KL Rovers, kelmarin dan isu menarik diri langsung tidak dibangkitkan.

"Itu semua (laporan KL Rovers tarik diri) tidak betul. Semalam (kelmarin), sebelum perlawanan kami jumpa pemain, bagi semangat kepada mereka, itu yang menang sampai 10-1 (menentang Machan FC).

"KL Rovers akan teruskan persaingan dalam Liga A1 hingga habis musim dan jika tiada masalah, pasukan ini sebenarnya boleh jadi juara," katanya.

Dalam pada itu, ketua jurulatih KL Rovers, Wan Mustafa Wan Ismail berkata beliau tidak mengetahui punca spekulasi pemain mahu menarik diri.

Jelasnya, setakat ini senarai 22 pemain ke Johor, hari ini sudah diserahkan kepada pihak pengurusan dan tiada pemain tidak mahu bermain.

"Kalau ada yang nak tarik diri mesti saya sudah tukar dengan pemain lain. Saya siap bagitahu kapten pasukan lagi, siapa yang tak nak pergi maklumkan awal-awal kerana kita pun faham pemain dalam kesempitan.

"Saya sebagai jurulatih sentiasa ada di padang. Setakat ini (gaji) masih sangkut empat

hingga lima bulan dan pengu-rusan pun ada bagi advance (pendahuluan), tapi bukan gaji penuh.

"Keseluruhan pemain tunjuk komitmen sampai kita layak ke Piala Malaysia, walaupun dalam keadaan begini dan contoh terbaru kelmarin, kami menang 10-1. Maknanya pemain bermain habis-habisan," katanya.

Sementara itu, salah seorang pemain KL Rovers yang enggan namanya dikenali mengakui ada menerima duit daripada pengu-rusan, namun bukan sebanyak gaji bulanan yang sepatutnya.

"Ada terima duit sebanyak RM800 tapi bukanlah gaji sebulan," tegasnya.